



TEKS UCAPAN ALUAN

**YBHG. CP DATO' SRI HAZANI BIN GHAZALI
KETUA PENGARAH
AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN
MALAYSIA (AKPS)**

SEMPENA

**“PROGRAM OPERASI RINTIS AGENSI KAWALAN DAN
PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS) DI
KOMPLEKS ICQS RANTAU PANJANG, KELANTAN”**

TARIKH

1 JANUARI 2025 (RABU)

TEMPAT

**KOMPLEKS ICQS RANTAU PANJANG,
KELANTAN**

SALUTASI

Bismillahirrahmanirrahim,

Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis,

- 1. Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara;**
- 2. Yang Berbahagia Datuk Awang Alik bin Jeman. Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri;**
- 3. Yang Berhormat Dato' Kaya Setia Dato' Nazran bin Muhammad, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan;**
- 4. Yang Berbahagia Datuk Dr. Anesee bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan);**
- 5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri;**
- 6. Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi;**
- 7. Dif-dif kehormat, para jemputan, dan rakan-rakan media yang saya hormati sekalian; dan**
- 8. Para pegawai-pegawai Kementerian, Jabatan dan Warga AKPS.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. **Alhamdulillah**, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat berkumpul di sini hari ini, sempena “**Program Operasi Rintis Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) di Kompleks ICQS Rantau Panjang, Kelantan.**”
2. Kehadiran **Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara serta Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri** dan semua Ketua-Ketua Agensi memberikan makna yang besar kepada kami di AKPS. Ia adalah **simbolik kepada sokongan dan kepercayaan yang tidak berbelah bahagi kepada usaha dan dasar Kerajaan.**

Yang Berbahagia Tan Sri dan para hadirin yang dihormati,

3. Berdasarkan [Akta 860], Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024 yang telah diwartakan pada **17 Oktober 2024**, Agensi ini akan bertindak sebagai **Agensi Kerajaan di barisan hadapan di pintu-pintu masuk negara bagi domain darat, udara dan laut termasuk pelabuhan**. AKPS bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan kawalan dan pemeriksaan secara bersepadu dan komprehensif.
4. Sebagai sebuah agensi tunggal yang diwujudkan untuk menyelaraskan semua urusan pintu masuk sempadan negara, **AKPS adalah cerminan komitmen Kerajaan Madani di bawah kluster Kemakmuran** untuk memastikan integriti dan keberkesanan kawalan pintu masuk sempadan berada pada tahap tertinggi.
5. Justeru, dengan pelaksanaan pengoperasian rintis ini, kita bukan sahaja memenuhi aspirasi Jemaah Menteri pada **3 Januari 2024**, tetapi juga **membawa perubahan yang signifikan kepada sistem kawalan pintu masuk sempadan negara**.

6. Program operasi rintis ini juga merupakan langkah strategik kepada sebahagian daripada usaha kita bersama-sama untuk merealisasikan **Amanat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, iaitu:**
- (1) **Perkasakan Kawalan Keselamatan Sempadan;**
 - (2) **Fasilitasi Pengembara;**
 - (3) **Fasilitasi Perdagangan;**
 - (4) **Perkukuh Integriti; dan**
 - (5) **Pertingkatkan Hasil Negara.**
7. Amanat ini adalah panduan utama yang sentiasa mengingatkan kita tentang keutamaan dan tanggungjawab besar yang kita galas.
8. Hari ini, kita memperkukuh elemen-elemen tersebut melalui pelaksanaan operasi rintis ini. **Kawalan keselamatan yang lebih ketat, proses yang lebih efisien untuk pengembara dan perdagangan, serta integriti yang tidak boleh diragukan menjadi asas kejayaan kita.** Saya percaya dengan keberkesanan pelaksanaan ini, **AKPS akan terus menyumbang kepada pencapaian hasil negara yang lebih baik.**

Hadirin sekalian,

9. Kompleks ICQS Rantau Panjang dipilih sebagai lokasi rintis dan merupakan (*dengan izin*) *Proof of Concept* (POC) kepada AKPS kerana ia adalah antara pintu masuk utama yang strategik antara **Malaysia dan Thailand**. Pelaksanaan pengoperasian rintis AKPS di sini merupakan **langkah pertama** bagi AKPS beroperasi serta mengenal pasti kebaikan dan kelemahan yang akan diperbaiki sebelum pelaksanaan pengoperasian **diperluaskan ke 21 lokasi pada 1 Februari 2025**. Pengoperasian rintis ini merupakan **salah satu inisiatif persediaan** pengoperasian utama AKPS kelak di samping bertujuan untuk menangani isu-isu kritikal seperti ini secara lebih tegas dan menyeluruh.
10. Dan, jika saya boleh bergurau sedikit — **operasi di sini juga menguji stamina pasukan kita! Mana tidaknya, pintu masuk sempadan ini bukan sahaja sibuk dengan urusan rasmi tetapi juga menjadi 'litar lumba' untuk mereka yang terlibat dalam kegiatan penyeludupan dan (dengan izin) “Cross-border activity”**.
11. **Justeru, semua pegawai kena bersedia, jangan biarkan mereka ini lebih laju daripada kita dalam operasi ini.**

Yang Berbahagia Tan Sri dan para hadirin yang dihormati,

12. Izinkan saya mengambil sedikit masa untuk merakamkan penghargaan kepada pihak-pihak yang menjayakan usaha besar ini. Pertama sekali, kepada **Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Dalam Negeri, yang walaupun tidak dapat bersama kita pada hari yang bersejarah ini —** sentiasa menjadi pendorong utama kepada penubuhan dan pengoperasian AKPS.
13. Seterusnya, ucapan jutaan terima kasih saya tujukan kepada **Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).** Intervensi segera dan sokongan padu daripada Tan Sri memastikan pengoperasian AKPS dapat direalisasikan dalam tempoh yang amat singkat. Tan Sri adalah "arkitek utama" yang membawa AKPS daripada sekadar pelan kepada realiti. di sini memberikan "suntikan motivasi" yang sangat diperlukan oleh kami di AKPS

14. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Yang Berbahagia Datuk Awang Alik bin Jeman, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri**, atas dedikasi beliau memberikan “suntikan semangat pendekar” kepada AKPS untuk terus berjuang.
15. Tidak lupa, penghargaan setinggi-tingginya juga saya tujukan kepada **Yang Berhormat Dato’ Kaya Setia Dato’ Nazran bin Muhammad, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan**, atas kesudian hadir bersama-sama kita pada hari ini. Kehadiran Yang Berhormat Dato’ Kaya Setia mencerminkan sokongan padu Kerajaan Negeri Kelantan terhadap usaha memperkukuhkan keselamatan dan pengurusan sempadan negara. Sokongan ini amat bermakna kepada kami di AKPS, lebih-lebih lagi kerana operasi rintis ini berlangsung di tanah Kelantan Darul Naim, negeri yang menjadi pintu utama perdagangan dan pelancongan rentas sempadan.
16. Kepada **Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha KDN, Ketua Pengarah agensi-agensi lain seperti JIM, JKDM, MAQIS, PERHILITAN, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kesihatan Negeri serta Setiausaha-Setiausaha Bahagian KDN**, kehadiran anda semua di sini adalah manifestasi sokongan padu kepada AKPS.

Kehadiran ini menjadi penyuntik semangat kepada kami untuk memastikan bahawa misi besar ini dilaksanakan dengan penuh dedikasi.

Yang Berbahagia Tan Sri dan para hadirin sekalian,

17. Kita perlu akui bahawa perjalanan ini masih panjang. Namun, dengan sokongan semua pihak, saya yakin AKPS akan menjadi benteng kukuh yang mampu membawa perubahan besar kepada sistem kawalan sempadan negara. Bersama, kita pastikan keselamatan dan integriti sempadan negara sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**